

HASiL/2026/06/01 – 32

RAYUAN TAKSIRAN KINI LEBIH MUDAH
MELALUI PORTAL MYTAX MULAI 1 JUN 2026

CYBERJAYA, 1 JUN 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa pengemukakan rayuan taksiran atau permohonan lanjutan masa untuk membuat rayuan terhadap taksiran cukai yang dibangkitkan di bawah Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 kini boleh dilaksanakan secara dalam talian menerusi perkhidmatan **e-Rayuan Taksiran** di portal MyTax.

Walau bagaimanapun, kemudahan ini tidak meliputi kes-kes yang melibatkan Cukai Keuntungan Modal, Cukai Pegangan serta taksiran yang dibangkitkan hasil aktiviti siasatan.

Pembayar cukai boleh mengakses perkhidmatan ini dengan mengikuti panduan mudah seperti yang berikut:

- i. Layari portal MyTax di <https://mytax.hasil.gov.my>;
- ii. Klik **Menu Daftar Masuk > Pilih Peranan Individu / Pengarah Syarikat/ Pentadbir Organisasi / Pentadbir Harta Pusaka (yang mana berkenaan) > Perkhidmatan ezHasil > e-Rayuan > e-Rayuan Taksiran**; atau
- iii. Rujuk **Manual Pengguna e-Rayuan Taksiran** di halaman e-Rayuan Taksiran di portal MyTax bagi panduan pengisian.

Melalui inisiatif ini, urusan pengemukakan rayuan taksiran yang sebelum ini melibatkan dokumen fizikal dan proses manual kini boleh dilaksanakan secara dalam talian, tanpa perlu hadir ke pejabat HASiL. Antara pengalaman baharu yang bakal diperoleh pembayar cukai termasuk keupayaan untuk:

- i. Mengemukakan rayuan taksiran/permohonan lanjutan masa membuat rayuan di mana-mana sahaja dan secara masa nyata (real time);
- ii. Menyemak status rayuan taksiran/permohonan lanjutan masa sepanjang proses pengendalian; dan
- iii. Menerima notifikasi status kes, surat pengesahan penerimaan/penolakan dan notis kelulusan lanjutan masa berkaitan secara dalam talian dengan lebih sistematik.

Dari segi akses, pembayar cukai individu boleh mengemukakan rayuan taksiran atau permohonan lanjutan masa melalui peranan individu, manakala Pengarah Syarikat atau Pegawai Syarikat yang dilantik dan Pentadbir Organisasi bagi kes Selain Syarikat seperti Koperasi, Badan Amanah, Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) dan lain-lain boleh berbuat demikian melalui peranan Pengarah Syarikat/Pentadbir Organisasi.

Pelaksanaan inisiatif ini selaras dengan usaha berterusan HASiL untuk memperkasa transformasi digital perkhidmatan percukaian ke arah penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, telus dan mesra pelanggan.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) HASiL Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);

- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>.

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAPINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

HASiL Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara)

Portal Rasmi: www.hasil.gov.my

Tarikh: 1 Jun 2026